

# Sultan Selangor isytihar UPM Kampus Bintulu kini UPM Sarawak



Sultan Sharafuddin berkenan menandatangani plak pada Majlis Pengisytiharan Universiti Putra Malaysia Sarawak di Istana Alam Shah, Klang, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

**Klang:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengisytiharkan Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Bintulu dijenamakan semula sebagai Universiti Putra Malaysia Sarawak (UPMS).

Baginda yang juga Canselor UPM bertitah, UPM Kampus Bintulu yang bukan sahaja menjadi pusat kecemerlangan bidang pertanian, perhutanan dan keterjaminan makanan, tetapi juga muncul sebagai pemangkin pembangunan di Sarawak dan menjadi institusi berdaya saing.

“Hari ini UPM berfungsi sebagai pusat ilmu, penyelidikan dan inovasi yang unggul, bukan sahaja di Malaysia, malah di peringkat serantau dan antarabangsa, terutama dalam bi-

dang pertanian dan keterjaminan makanan.

“Sebagai langkah strategik UPM dalam mengembangkan peranan serta sempena 50 tahun penubuhan UPM di Sarawak, beta berkenan menjenamakan semula UPM Kampus Bintulu Sarawak,” titah baginda, semalam.

Turut berangkat Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Hadir sama Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg; Naib Canselor UPM, Datuk Prof Ir Dr Ahmad Farhan Mohd Sadiullah dan Pengarah Kampus UPMS, Prof Dr Shahrul Razid Sarbini.